

BAB 5

Rumusan

5.1. Pengenalan

Secara keseluruhan kajian ini telah melihatkan kepada fenomena kemiskinan yang dialami oleh pekerja ladang. Kajian ini telah ditumpukan terhadap pekerja di ladang yang terletak di daerah Hulu Langat Negeri Selangor bagi mewakili keadaan masyarakat ladang di seluruh Malaysia. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan ke atas pekerja ladang, maka beberapa isu dan penemuan boleh dibangkitkan.

Secara umumnya, intipati kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-faktor yang mengakibatkan kemiskinan khasnya di kalangan pekerja ladang serta untuk melihat kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang sehingga menyebabkan hidup mereka miskin. Daripada kajian di dapati bahawa wujud beberapa faktor yang menyebabkan kemiskinan di kalangan masyarakat ladang yang seterusnya membawa kepada beberapa masalah (taraf hidup yang rendah, taraf pendidikan yang rendah, keadaan infrastruktur yang kurang memuaskan, masalah buruh kanak-kanak dan sebagainya).

Persoalan utama yang ditekankan dalam bab ini ialah sejauhmanakah upah di sektor perladangan dapat menjamin kehidupan hari ini dan masa depan serta melihat kepada hubungkait antara ketersampaian kemudahaan asas dengan taraf hidup pekerja ladang. Persoalan tersebut dinilai dengan mengambil kira upah pekerja ladang, perbelanjaan isirumah, kadar pinjaman dan simpanan serta melihat pada tahap kemudahaan

asas yang disediakan oleh pihak majikan. Rumusan dari persoalan di atas akan membawa kepada kesimpulan kajian ini.

5.2. Rumusan

Kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja ladang merupakan satu isu yang tidak terasing lagi di Malaysia. Isu kemiskinan di kalangan masyarakat ladang adalah merupakan satu isu yang berlanjutan dari zaman penjajahan hingga kini. Kemiskinan di kalangan masyarakat ladang mempunyai hubungkait dengan kadar upah dan kemudahaan yang diberikan oleh pihak majikan kepada pekerja ladang. Selain itu, peranan kerajaan dan NUPW yang masih rendah di dalam sektor perladangan juga turut mempengaruhi kemunduran di kalangan masyarakat ladang. Walau bagaimanapun, di dapati bahawa aspek kadar upah yang rendah serta ketersampaian kemudahaan asas yang rendah di kalangan pekerja ladang menjadi faktor utama dalam menyebabkan kemiskinan di kalangan pekerja ladang.

Berdasarkan kepada keputusan kajian di dapati bahawa upah sektor perladangan adalah sangat rendah dan ia tidak dapat menampung keperluan asas bagi saiz isirumah pekerja ladang getah dan kelapa sawit. Sistem upah harian yang dipengaruhi oleh faktor luar kawalan seperti faktor cuaca, harga pasaran dunia yang tidak stabil, kualiti produk (susu dan buah) dan sebagainya memastikan upah yang diperolehi oleh pekerja ladang adalah rendah. Misalnya daripada hasil kajian ke atas lima buah ladang, di dapati bahawa purata upah bagi seorang pekerja ladang getah dan kelapa sawit adalah RM269.50 dan RM352.45 dan ia tidak dapat menampung keperluan asas bagi saiz isirumah yang berjumlah 5.9. dan 6.4.

Hal ini jelas kelihatan pada kadar perbelanjaan yang dilakukan oleh seorang responden terhadap keperluan asas iaitu di dapati bahawa seorang responden memerlukan

lebih kurang RM350 sebulan untuk perbelanjaan rumah atau keperluan harian sahaja (bagi makanan, barang keperluan asas dan lain-lain) bagi keluarga yang mempunyai lima orang isi rumah. Lebih ramai isirumah lebih tinggi perbelanjaan harian mereka. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa upah yang diperolehi oleh seorang pekerja ladang tidak mencukupi untuk melakukan perbelanjaan asas mereka, maka apakah daya mereka untuk memenuhi kehendak-kehendak yang lain seperti perbelanjaan bagi sekolah anak-anak, kesihatan, pakaian, perayaan, hiburan dan sebagainya. Masalah tersebut jelas dilihat di ladang Abako, di mana terdapat pula responden yang terpaksa memberhentikan anaknya daripada pergi ke sekolah kerana tidak dapat menanggung kos perbelanjaan sekolah anaknya (rujuk bab tiga). Hal ini menunjukkan bahawa taraf pendidikan dan masa depan anak-anak responden juga turut di pengaruhi oleh kadar pendapatan yang diterima seorang responden di sektor perladangan. Keadaan ini bertambah buruk sekiranya hanya seorang sahaja yang bekerja di kalangan tersebut iaitu suami atau isteri di mana pendapatannya jauh lebih rendah dan sememangnya tidak mampu menyara dua atau tiga orang di dalam keluarga.

Di samping itu, peningkatan harga barang tanpa peningkatan upah benar pekerja ladang menyebabkan mereka tidak dapat menimbangi perbelanjaan dengan pendapatan yang diperolehi. Keadaan ini menyebabkan responden atau ketua isirumah yang seharusnya bertanggungjawab untuk menyara kehidupan keluarganya terpaksa bergantung kepada pendapatan anak-anaknya untuk menyara kehidupannya. Iaitu terdapat 64 peratus responden di ladang bergantung kepada pendapatan anak-anaknya untuk menyara kehidupan keluarga. Malah terdapat juga responden atau pekerja ladang yang terpaksa mengharapkan pendapatan anaknya yang berumur 13 tahun untuk menampung keperluan harian keluarga. Walau bagaimana pun nasib mereka masih tidak berubah kerana pendapatan yang diperolehi daripada anak-anaknya serta kerja sampingan yang dilakukan oleh responden tidak dapat menampung saiz keluarganya yang ramai. Hal ini jelas dilihat

pada komuniti ladang getah dan kelapa sawit iaitu di mana purata pendapatan isi rumah adalah sebanyak RM 694.7 dan RM 905.3 mengikut saiz purata isirumah yang berjumlah 5.9 dan 6.4 isi rumah manakala purata perbelanjaan bagi saiz isi rumah tersebut adalah lebih daripada RM 1391.7. Hal ini menyebabkan pekerja ladang terpaksa berhutang atau melakukan pinjaman untuk memenuhi keperluan harian (makanan, pakaian, pendidikan, kesihatan dan sebagainya). Secara ringkasnya pendapatan yang rendah di kalangan pekerja ladang menyebabkan mereka terpaksa berhutang untuk menampung perbelanjaan yang harus dilakukan bagi menyara kehidupan sekeluarga pekerja ladang tersebut.

Selain itu, keadaan tersebut juga turut menpengaruhi kadar tabungan di kalangan pekerja ladang iaitu di mana kadar hutang atau pinjaman yang tinggi di kalangan pekerja ladang menyebabkan mereka tidak dapat melakukan sebarang tabungan atau simpanan di Bank mahupun di rumah untuk masa depan keluarganya. Di samping itu, keadaan tersebut juga turut menpengaruhi tahap pemilikan harta di kalangan masyarakat ladang menjadi rendah iaitu melalui hasil kajian di dapati bahawa hanya sebanyak 45 peratus responden sahaja yang mampu memiliki kesemua perkakas rumah seperti televisyen, radio, peti ais, almari, dapur gas, video, kipas, lampu, sofa dan VCD. Selain itu, terdapat pula sebanyak 48 peratus responden yang masih menggunakan dapur kayu untuk memasak makanan harian mereka kerana tidak mampu untuk memiliki dapur gas dengan pendapatan tersebut. Secara keseluruhnya di dapati bahawa kadar upah yang rendah menyebabkan kehidupan di kalangan pekerja ladang menjadi semakin tertekan.

Sementara itu, kajian menjelaskan bahawa kemudahaan asas yang disediakan oleh pihak majikan di ladang adalah pada tahap yang rendah. Berdasarkan kepada kajian kes ke atas lima buah ladang tersebut, di dapati bahawa kemudahaan asas (rumah, bekalan air, rumah asuhan, kesihatan dan sebagainya) yang disediakan oleh majikan adalah pada tahap yang minimum. Dengan kata lain, sistem kemudahaan yang disediakan oleh pihak majikan

di sektor perladangan adalah tidak sempurna dan tidak sesuai bagi kehidupan manusia sehari-hari. Keadaan persekitaran yang tidak selamat dan tidak sihat serta tahap keadaan kemudahaan asas yang sangat minimum menyebabkan kehidupan mereka lebih tertekan lagi.

Berdasarkan kepada perbincangan serta rumusan di atas, maka tidak dapat dinafikan bahawa tingkat pendapatan mempunyai hubungkait dengan taraf kehidupan seseorang iaitu tingkat pendapatan yang rendah di kalangan masyarakat ladang akan mencerminkan taraf kehidupan yang rendah. Keadaan tersebut bertambah rumit apabila ketersampaian kemudahan asas seperti bekalan air, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan di ladang tersebut pada tahap yang rendah. Maka bolehlah dikatakan bahawa tingkat pendapatan dan ketersampaian kemudahaan asas berkait rapat dengan kemiskinan yang dialami oleh mereka. Oleh itu boleh di rumusan di sini bahawa kadar upah yang rendah serta ketersampaian kemudahaan asas yang rendah di kalangan masyarakat ladang telah menyebabkan masyarakat ladang hidup dalam keadaan kemiskinan sejak tiga generasi mereka.

Secara ringkasnya, Teori Ragam Pengeluaran Kapitalis yang digunakan oleh pengkaji sesuai digunakan untuk menggambarkan kemiskinan yang wujud di kalangan masyarakat ladang sejak turun-temurun mereka. Iaitu di mana ragam pengeluaran kapitalis yang mengutamakan keuntungan telah menyebabkan pengurus-pengurus ladang (kuasa pengeluaran) memberi upah yang rendah kepada buruh ladang (hubungan pengeluaran) untuk meminimakan kos bagi memaksimumkan keuntungan. Di dapati bahawa pihak pengurus ladang mengurangkan upah di kalangan pekerja ladang melalui perlaksanaan sistem upah harian di bawah skim gaji bulanan yang dipengaruhi oleh beberapa faktor luar kawalan. Ini bermakna sistem upah harian yang dilaksanakan oleh pihak majikan akan sentiasa memastikan upah yang diterima oleh pekerja ladang adalah rendah.

Selain itu, keinginan pengumpulan harta yang berlebihan di kalangan pihak majikan (kuasa pengeluaran) telah menyebabkan mereka mengurangkan perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti mengurangkan lain-lain intensif serta penyediaan kemudahaan infrastruktur (rumah, bekalan air, elektrik, sekolah dan lain-lain). Tambahan pula di dapat di bahawa pihak majikan di ladang Abako dan Ampar Tenang juga tidak memperuntukan sebarang perbelanjaan untuk menguruskan keadaan persekitaran (membersihkan kawasan persekitaran kediaman pekerja ladang di ladang tersebut. Di samping itu, keengganan pihak majikan untuk mematuhi arahan pihak Jabatan Buruh Selangor untuk merobohkan rumah-rumah lama dan membina semula rumah baru bagi golongan pekerja ladang Abako jelas menggambarkan sifat majikan yang lebih mementingkan pengurangan kos pengeluaran berbanding dengan kebijakan pekerja.

Oleh itu, berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka di dapat di bahawa ekonomi dilihat sebagai struktur asas iaitu struktur yang menentukan segala bentuk struktur seperti hubungan-hubungan sosial, kekeluargaan, kenegaraan, politik dan undang-undang dalam sesebuah negera dan komuniti. Dengan kata lain, ekonomi menakluk semua bentuk hubungan sosial dalam masyarakat sehingga menimbulkan dominasi dan kemeralatan ke hubungan-hubungan kemanusian atau kemasyarakatan terutamanya kaum buruh kerana itulah konflik kelas antara kaum buruh (proletariat) dan borjuis (kapitalis) mulai terjadi di dalam masyarakat, iaitu sebagai akibat daripada kesengsaraan yang berpunca dari pengaruh ekonomi kapitalis.

Hal ini dapat dilihat diladang getah dan kelapa sawit di mana ekonomi menakluk semua bentuk hubungan sosial pengeluran pada peringkat ladang. Iaitu pihak majikan yang memiliki kuasa pengeluaran dan alat-alat pengeluran di dapat mengeksplotasi golongan yang hanya menawarkan tenaga buruh sahaja dengan memberi upah yang rendah bagi mengaut keuntungan yang maksimum. Keadaan ini secara langsung menunjukkan bahawa

golongan pekerja ladang ini dianggap sebagai alat pengeluaran yang dimiliki oleh pihak majikan yang digunakan untuk menghasilkan produk ekonominya bagi memaksimumkan keuntungan tanpa mengambil kira soal kemanusian dan kebajikan pekerja.

Dengan kata lain, pihak majikan (borjuis) akan mempertahankan kedudukannya sebagai kelas yang mendominasi atau menguasai hasil pengeluaran ladang dengan memberi kadar upah yang rendah kepada golongan pekerja bagi memastikan mereka sentiasa berada dibawah penguasaan pihak majikan. Oleh itu taraf sosio-ekonomi pekerja ladang ini tidak mengalami sebarang perubahan sejak tiga dekad yang lalu di mana kehidupan mereka sentiasa dibelenggui oleh kemiskinan akibat daripada pertentangan kelas yang wujud di sektor perladangan yang sentiasa memastikan kedudukan golongan pekerja (proletariat) berada di bawah kelas bawahan manakala kedudukan golongan majikan (borjuis) pula berada di kelas atasan. Secara ringkasnya arena pertentangan atau konflik kelas yang wujud akibat daripada terdapatnya dua pihak yang saling berbeza kedudukan atau peranan serta pengawalan ke atas alat pengeluaran yang terlibat dalam satu proses pengeluran barang telah menyebabkan berlakunya hubungan sosial yang bertentangan di kalangan pihak majikan dan pekerja.

Jadi secara keseluruhannya di dapat bahawa ketidakseimbangan interaksi antara hubungan-hubungan sosial yang berasaskan kepada kuasa pengeluaran dan hubungan pengeluaran dalam proses pengeluaran di sektor perladangan telah menyebabkan berlaku pembangunan yang tidak seimbang di sektor perladangan iaitu di mana pekerja di ladang getah akan terus di belenggui oleh kemiskinan manakala pihak majikan pula akan terus menikmati segala kekayaan dan kesenangan di sektor perladangan tersebut.

5.3. Kesimpulan

Sektor perladangan merupakan suatu sektor yang telah lama menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara, akan tetapi masyarakat ladang yang merupakan penyumbang utama dalam sektor tersebut telah ketinggalan dalam pembangunan negara yang pesat. Pekerja ladang yang tinggal selama tiga generasi sejak zaman penjajahan lagi masih di belenggu oleh kemiskinan, kemudahan infrastruktur yang buruk, pencapaian pendidikan yang rendah, persekitaran yang tidak menggalakkan dan sebagainya. Penumpuan yang rendah terhadap masyarakat ladang telah menyebabkan tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan, NUPW, dan pihak majikan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Oleh itu dalam keadaan ini, kerajaan harus memainkan peranan yang penting dalam mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekerja ladang dan menghapuskan skim gaji bulanan yang berdasarkan skim gaji harian dan juga sistem pengurusan yang mengabaikan kebijakan pekerja ladang. Pekerja pula harus diberikan gaji bulanan dan insentif yang membolehkan mereka hidup dengan selesa. Sementara itu, kerajaan juga harus menunaikan segala tuntutan-tuntutan pekerja ladang yang dinyatakan dibawah Kongress Nasional Jerit pada 4hb April 2002.(Rujuk lampiran)

Di samping itu majikan pula harus mengambil kira kebijakan pekerja dan memberi upah yang setimpal dengan kerja yang dilakukan di mana upah tersebut haruslah bersifat menjamin kehidupan pekerja pada masa kini dan masa depan. Dengan kata lain, hubungan sosial di peringkat pengeluaran perladangan haruslah bersifat seimbang iaitu di mana majikan harus melayan pekerja dengan baik melalui menyediakan segala kebijakan pekerja ladang tanpa mempertahankan kelas atau kedudukannya yang mendominasi hasil pengeluaran ladang. Selain itu, pihak NUPW juga haruslah memainkan peranan yang penting terutamanya dalam menjaga kebijakan pekerja ladang.

Secara kesimpulannya, kemiskinan yang dihadapi oleh pekerja ladang hanya boleh di atasi sekiranya semua pihak yang dinyatakan di atas memainkan peranannya dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat ladang. Dengan adanya kerjasama di antara kesemua pihak di atas, maka kemiskinan yang dialami oleh pekerja ladang sejak tiga generasi tersebut dapat di atasi.